


## BAHAGIAN A

[40 markah]

*Jawab semua soalan.*

Peta 1 Tamadun Indus

- 1 (a) Berdasarkan peta 1 namakan bandar di

X .....

Y .....

[2 markah]

- (b) Mengapakah bandar terancang mampu dibina dalam Tamadun Indus?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (c) Sejauhmanakah sikap keterbukaan mempengaruhi pembinaan bandar terancang?

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- 2 Kedatangan Islam telah membawa kesan kepada sistem ekonomi di Tanah Melayu. Pengaruh Islam terhadap ekonomi dapat dilihat dalam mata wang, perdagangan dan percukaian.

- (a) Nyatakan dua jenis mata wang yang digunakan di pelabuhan Melaka.

.....

.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan faktor kepesatan kegiatan perdagangan di Melaka pada kurun ke-15.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Wajarkah sistem cukai dikenakan kepada rakyat untuk tujuan pembangunan negara? Beri alasan anda.

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- 3 Maklumat berikut merujuk kepada akhbar yang digunakan pada tahun 1920-an.

Peranan akhbar dan golongan wartawan telah menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang Melayu untuk memperjuangkan hak dan kepentingan mereka.

- (a) Namakan dua akhbar yang berpengaruh pada era tersebut.

.....  
.....

[2 markah]

- (b) Jelaskan isu-isu sosial yang dibangkitkan dalam akhbar di 3 (a).

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (c) Akhbar pada hari ini sedang mengalami zaman suram dan telah dianggap tidak lagi relevan.

Bandingkan akhbar pada zaman kini dengan akhbar pada masa dahulu.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

4



Gambar Jata Negara

- (a) Apakah maksud yang terdapat pada lambang berikut:

- (i) Lima bilah keris

.....  
.....

[1 markah]

- (b) Di bawah Jata Negara tertera cogan kata “Bersekutu Bertambah Mutu”. Bagaimanakah anda dapat mengaplikasikan cogan kata tersebut untuk memajukan negara?

.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (c) Bincangkan ciri-ciri masyarakat Malaysia yang dapat dibentuk melalui penghayatan lambang-lambang negara?

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (d) Generasi hari ini semakin kurang peka tentang lambang-lambang negara. Cadangkan cara-cara yang boleh dipupuk dalam kalangan pelajar untuk menghormati lambang-lambang tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

*Jawab tiga soalan sahaja daripada bahagian ini.*

5 Kerajaan awal di Asia Tenggara terdiri daripada kerajaan agraria dan kerajaan maritim.

- (a) Apakah kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat kerajaan agraria? [6 markah]
- (b) Kerajaan agraria dan kerajaan maritim dikatakan saling melengkapi antara satu sama lain. Jelaskan [6 markah]
- (c) Aktiviti pertanian dapat memberikan sumbangan kepada kemajuan ekonomi negara. Buktiakan pernyataan ini. [8 markah]

6 Kerajaan Bani Abbasiyah yang diasaskan pada tahun 750 Masihi telah memberi sumbangan yang penting dalam perkembangan ilmu pengetahuan.

- (a) Bagaimanakah pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah? [6 markah]
- (b) Jelaskan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam perkembangan ilmu pengetahuan. [6 markah]
- (c) Huraikan keberkesanan sistem pendidikan moden dalam memperkuuh perpaduan negara. [8 markah]

7 Pentadbiran British di Tanah Melayu , Sarawak dan Sabah sejak abad ke-19 telah membawa kepada perubahan dalam sistem pemilikan dan penggunaan tanah.

- (a) Terangkan sistem pemilikan tanah sebelum kedatangan British. [6 markah]
- (b) British telah memperkenalkan undang-undang tanah di Tanah Melayu seperti Enakmen Tanah pada 1917. Bincangkan kesan pengenalan undang-undang tanah oleh British kepada orang Melayu. [6 markah]
- (c) Cadangkan usaha yang boleh diambil dalam memperkuuhkan pemilikan tanah di Malaysia. [8 markah]

8 Imperialisme Barat di Asia Tenggara telah bermula sejak abad ke-16 lagi.

- (a) Jelaskan maksud imperialism. [4 markah]
- (b) Sejauhmanakah sistem pengangkutan dan perhubungan memainkan peranan dalam misi imperialisme Barat di Asia Tenggara? [8 markah]
- (c)

Kuasa Barat mula menggunakan pelbagai slogan seperti “Beban Orang Putih” dan “Tugas Menyebarkan Tamadun” dalam usaha melaksanakan dasar imperialisme mereka.

Slogan di atas hanyalah muslihat imperialis Barat semata-mata.  
Nilaikan pernyataan ini. [8 markah]

9 Tokoh-tokoh berikut telah menggunakan amalan *realpolitik* semasa pembentukan negara bangsa di Jerman dan Itali pada abad ke-19.




Otto Eduard von Bismarck



Camillo Benso di Cavour

- (a) Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan oleh tokoh tersebut untuk menyatukan negara bangsa masing-masing. [4 markah]
- (b) (i) Prinsip Islam digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam proses pembinaan negara Islam Madinah. Bincangkan. [4 markah]
- (ii) Pembinaan negara dan bangsa Malaysia adalah unik kerana tidak menggunakan amalan realpolitik. Nilaikan pernyataan tersebut. [4 markah]
- (c) Buktikan kejayaan yang dicapai hasil daripada pembinaan negara dan bangsa Malaysia. [8 markah]

10 Rajah 1 menunjukkan kerjasama kaum di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan.



Rajah 1

- (a) Jelaskan langkah-langkah ke arah pakatan murni. [ 4 markah ]
- (b) Kerjasama semua kaum memberikan kejayaan kepada Parti Perikatan. Buktiakan pernyataan tersebut. [ 8 markah ]
- (c) Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, mengapakah kita perlu menghormati prinsip pakatan murni? [ 8 markah ]

11 Maklumat berikut merujuk kepada perkembangan dasar luar Malaysia.

<b>Perkembangan Dasar Luar Malaysia</b>	
Tahap Pertama	Tunku Abdul Rahman (1957- 1970)
Tahap Kedua	Tun Abdul Razak (1972-1976) Tun Hussein Onn (1976-1981)
Tahap Ketiga	Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad (1981-2003)

- (a) Mengapakah faktor politik mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia? [4 markah]
- (b) Huraikan perkembangan dasar luar Malaysia semasa era kepimpinan Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. [8 markah]
- (c) Dasar luar Malaysia telah banyak memberi manfaat kepada negara kita. Beri hujah anda. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**